

Lebih 200 perwakilan sertai GLoCALL

Oleh JOSEPH JUPIOL

jupiolj@yahoo.com

KOTA KINABALU: Persidangan GLoCALL (Globalisation and Localisation of Computer-Assisted Language Learning) 2010 berjaya menarik penyertaan lebih 200 perwakilan daripada 20 negara.

Antara negara yang terlibat dalam peristiwa selama tiga hari yang dituanrumahkan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu ialah Belgium, China, Jepun, Korea, Iran, Oman, Pakistan, Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia, Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Naib Canselor UMS, Datuk Seri Dr Kamaruzaman Ampon, berharap para tenaga pelajar dan kakitangan universiti, khususnya Sekolah Pembangunan Pendidikan dan Sosial, dapat memanfaatkan peluang itu dengan sebaiknya.

Katanya, ia merupakan kesempatan menjalinkan jaringan dan bertukar pengetahuan dengan para penyelidiksertapakar akademik



tempatan dan antarabangsa mengenai aplikasi teknologi pengajaran dan pembelajaran.

"GLoCALL kali keempat ini datang tepat pada masanya. Ia mengandungi maklumat berkaitan apa yang kita ciba

lakukan di UMS, iaitu untuk menyerap amalan terbaik oleh masyarakat dunia dan memertempatkannya mengikut kesesuaian konteks di sini," katanya.

Beliau menekankan

demikian dalam ucapannya sempena majlis makan malam untuk perwakilan persidangan tersebut di Putera Theatre Buki Padang pada Khamis lalu. Teks ucapannya dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal

(Kiri) PENGHARGAAN...

Kasim (dua dari kiri) menyampaikan cenderahati kepada Presiden APACALL, Jeong-Bae Son.

86

(Kanan) UNTUKMU... Kasim (tengah) menyampaikan cenderahati kepada Presiden PacCALL, Siew Ming Thang.

Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Madya Dr Kasim Mansur.

Kamaruzaman memaklumi bahawa tujuan utama GLoCALL adalah untuk menyediakan platform bagi semua pengamal CALL berkongsi pengetahuan, penyelidikan dan pengalaman bagaimana menggunakan teknologi komputer bagi menjadikan pembelajaran bahasa lebih menarik.

Matlamat lain ialah menyediakan satu tempat bagi mereka berkongsi bagaimana komputer boleh disesuaikan secara budaya bagi pelajar dan tenaga pengajar tanpa mengketepikan perpekstif



global mengenai pembelajaran bahasa dengan bantuan komputer, katanya.

Lazimnya, GLoCALL dianjurkan oleh APACALL (Asia-Pacific Association for Computer-Assisted Language Learning), PacCALL (Pacific

Association for Computer-Assisted Language Learning) dan sebuah organisasi tuanrumah setiap tahun.

Konferensi pertama telah diadakan di Vietnam pada 2007 disusuli oleh Indonesia (2008) dan Thailand (2009).